

29/06/2003

Antara ikrar dan amal: Bikin mestilah serupa cakap

Noor Azam

Bingkisan politik untuk Dr Mahathir. Blank cheque untuk Pak Lah

KETIKA Umno menutup Perhimpunan Agungnya, petang Sabtu 21 Jun lalu, antara orang paling puas dan gembira adalah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Selama 20 tahun, inilah pertama kali, pemimpin dan ahli Umno mempamerkan komitmen perjuangan dan semangat

pakatan yang amat padu. Dan ini bukanlah sesuatu yang dibuat-buat. Ia terjadi dengan spontan dan penuh kesedaran.

Mesej utama Dr Mahathir - dengan analisis panjang lebar tentang ancaman penaklukan bangsa Eropah - tenggelam oleh tumpuan positif memperkukuhkan parti.

Dr Mahathir diberi keyakinan bahawa kebimbangan adanya pertarungan jawatan Timbalan - parti dan kabinet - pasti tidak akan berlaku. Dan seluruh ahli Umno siap sedia untuk memastikan kemenangan dalam pilihan raya akan datang. Kebimbangan ini masih disuarakan dengan amat ketara oleh

Dr Mahathir hingga hari pertama Perhimpunan itu.

Jelas juga, keputusannya memilih Pak Lah sebagai pengganti diterima tanpa berbelah bagi. Meskipun sebelum ini kedengaran bisik-bisik tentang kemampuan Pak Lah.

Sekarang Dr Mahathir boleh mengucapkan 'selamat tinggal' tanpa bimbang dan ragu. Beliau boleh 'melangkah keluar' dan memandang ke belakang dengan

tersenyum. Inilah bingkisan politik paling istimewa untuknya, lebih daripada segala pujian dan sanjungan. Selamat beristirahat Doktor. Kami menunggu buku-buku sumbangan mu seterusnya.

Bagi Pak Lah pula, pengumumannya bahawa ia mendapat sokongan penuh pemimpin Umno pusat dan negeri, telah diberi pengesahan atau endorsement rasmi dalam Perhimpunan itu. Keputusannya memegang tradisi untuk memilih salah seorang Naib Presiden menggantikan tempatnya, juga diterima sepenuhnya. Siapa saja, di antara tiga, tanpa perlu mengira jumlah undi dan senioriti - seperti yang telah berlaku sebelum ini.

Oleh yang demikian, kedua-duanya - parti dan kerajaan - akan kukuh-mantap. Negara aman dan stabil. Faedahnya, bukan saja kepada Umno dan BN,

tetapi kepada seluruh rakyat. Janganlah hendaknya ada yang cuba menggugat.

Pak Lah akan dapat menumpukan seluruh masa, fikiran dan tenaganya menjalankan tugas sebagai Presiden parti untuk menghadapi pilihan raya dan

sebagai Perdana Menteri untuk memerintah negara. Dari segi orang Umno tiada apa lagi yang perlu digusarkan.

Kata orang: Pak Lah telah diberi blank cheque. Setuju benar dengan permintaan Datuk Najib: Jangan ada lagi yang jadi "batu api". Pak Lah, semoga Allah memberi taufik dan hidayah kepada mu sepanjang masa.

Orang Umno - terutama para pemimpin besar dan kecil - janganlah cakap

dalam persidangan saja. Semuanya, mestilah `bikin seperti cakap'.

Bilangan belum menentukan kemenangan. Besar dan kuat tidak boleh berlagak sombong

DI SELURUH negara, kecuali Sarawak, wujud 165 bahagian Umno. Jumlah ahli

jawatankuasa bahagian (Umno, Wanita dan Pemuda, tak termasuk Puteri) lebih

9,000 - belum termasuk pelbagai biro. Jika setiap bahagian ada 30 cawangan

(anggaran sangat minimum) dan setiap cawangan ada 30 ahli jawatankuasa (Umno, Wanita, Pemuda) ada lebih 148,500 lagi pemimpin di peringkat akar umbi.

Secara kasar, Umno mempunyai lebih 160,000 tenaga pemimpin besar dan kecil, lelaki dan perempuan. Mencakupi semua golongan - daripada buruh, petani, nelayan, peniaga kecil sampai kepada ahli korporat, pegawai kerajaan, ahli agama dan profesional. Tersebar di seluruh bandar dan desa.

Alangkah hebat dan kuatnya Umno! Tiada sebuah parti politik pun di dunia yang punya jumlah dan jaringan jentera kepimpinan seperti ini.

Maka dari segi realiti dan pertimbangan waras, Umno tidak patut kalah kepada mana-mana parti pembangkang Melayu yang ada sekarang.

Namun dalam sistem demokrasi kita, Umno masih boleh kalah dalam pilihan

raya. Kalah kepada parti yang jaringan kepimpinannya jauh lebih lemah dan

kecil daripada Umno. Kenyataannya, bilangan besar pemimpin belum menentukan kemenangan. Di sinilah masalah dan kelemahan Umno (ramai sangat

pemimpin). Di sini juga keistimewaan pilihan raya kita. Besar belum tentu

kuat dan menang, tidak boleh berlagak sombong!

Sungguhpun ada faktor luar yang melemahkan atau menewaskan Umno, tetapi

faktor ini bermusim. Yang menentukan faktor dalaman - keutuhan diri.

Kekalahan dan kemerosotan undi Umno/BN dalam pilihan raya 1999, hanyalah

kerana faktor Anwar, yang menyebabkan ahli dan pemimpin Umno terpecah dua.

Pemimpin dan ahli dan penyokong yang setia - yang tidak lari kepada Keadilan - Pas - tidak kuat semangat dan ramai yang jadi `bengong politik'. Mereka tidak yakin dan ragu-ragu terhadap keputusan dan tindakan

Dr Mahathir sebagai pemimpin mereka.

Mereka bukan saja tidak dapat membela dan mempertahankan tindakan pemimpin, tetapi ikut mencela melalui bisikan dan rungutan. Dalam situasi

seperti itu, sikap politik begini - berpecah dan tidak yakin - tidaklah aneh. Akan tetapi itulah tragedi yang melumpuhkan Umno waktu itu.

Hal seperti ini belum lagi berlaku kepada pemimpin, ahli dan penyokong Pas. Kalau ada pun sedikit sangat dan tidak sampai melemahkan perjuangan parti. Apa pun tindakan, keputusan dan cakap pemimpin mereka di dokong sepenuhnya.

Antara fanatik, realiti dan waras-bijaksana

Datuk Shahnnon, penulis ternama, adalah teman baik saya. Dan saya tidak

pernah terfikir - untuk mengkritik Dr Mahathir - Shahnnon tergamak memberikan tajuk bukunya sampai begitu hina dan memalukan kita. Walaupun saya mengerti akan kekecewaannya.

Namun ketidaksopanan yang amat tidak wajar ini, disokong kuat oleh pemimpin Pas dan Tuan Guru Datuk Nik Aziz. Dan disambut dengan ghairah dan bangga sekali oleh para pejuang dan penyokong Pas.

Demikianlah juga dengan tindakan dan ucapan pemimpin Pas yang lain. Tidak pernah dipersoalkan, malah dibela secara terbuka dengan penuh yakin dan 'semangat Islam' yang berkobar-kobar. Dalam usaha menggembelng kekuatan politik dan dokongan massa, sikap fanatik atau taksub seperti ini memang diperlukan.

Dari segi amalan demokrasi, sikap ini memang tidak baik. Tetapi, setidak-tidaknya, pada waktu berhadapan dengan krisis atau suasana politik seperti menjelang pilihan raya 1999, adalah diperlukan.

Kefanatikan atau ketaksuban inilah menjadi salah satu faktor utama yang menjayakan perjuangan bangsa Melayu dan Umno dalam era kegemilangan politik Melayu-Umno. tetapi zaman telah berubah, generasi baru Umno tidak akan sama dengan generasi lama. Justeru tidak mungkin lagi akan wujud semangat fanatik atau cintakan parti seperti itu dalam Umno.

Pemimpin Umno, khususnya Dr Mahathir, sedar akan realiti ini. Oleh sebab itu beliau berusaha menggembelng semangat dan kekuatan Umno dengan hujah-hujah dan contoh-contoh yang nyata. Berdasarkan fakta yang benar, bukan emosi dan ciptaan, meskipun ada kalanya hujah dan fakta itu menyakitkan perasaan sendiri.

Untuk kepentingan bangsa dan agama pun, beliau bertindak dengan pendekatan yang sama. Menghadapi dan menangani kenyataan. Tidak saja untuk kepentingan semasa, tetapi juga untuk masa depan. Tidak mengapa kalau tidak popular.

Masalah timbul kerana pendekatan ini terpaksa melalui jalan sukar. Masih ramai pendokong Umno, termasuk sesetengah pemimpinnya, yang belum dapat menerima pendekatan ini. Sukar untuk difahami dan sakit untuk mempertahankannya. Apa lagi untuk merealisasikan. Ininya menuntut kewarasan dan kerja keras. Tidak boleh dengan ucapan-ucapan dan hujah-hujah bersemangat saja.

Inilah cabaran di hadapan Umno sekarang. Menggembelng kembali semangat kepartian dan dedikasi kerja melaksanakan program parti. Ini memerlukan keyakinan tidak berbelah bagi. Dan semuanya - pemimpin dan ahli - perlu berhenti melakukan apa saja perbuatan dan cakap-cakap yang merosakkan wajah parti. Lebih-lebih lagi tingkah laku dan perebutan kebendaan yang melampau-lampau, yang membuat orang benci kepada parti.

Semangat perpaduan dan kesetiakawanan yang luar biasa, yang dipamerkan semasa Perhimpunan Agung ke-54 itu, belum menjamin kekuatan dan kemenangan. Sekali lagi: Bikin mestilah serupa cakap.

- (Pejabat Kumpulan AMONA, Prima Peninsular, Taman Setiawangsa, K

Lumpur
- 27 Jun 03).